

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 October 2015



**KUALA LUMPUR 26 Okt.** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu lebih banyak perniagaan milik bumiputera dibuka di pusat beli-belah ikonik ibu negara, NU Sentral bagi membantu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri selepas sesi lawatan kira-kira sejam di NU Sentral berkata, setakat ini, lebih 20 peratus perniagaan di pusat beli-belah berkenaan adalah milik bumiputera.

Najib juga berharap jumlah penyertaan usahawan bumiputera di pusat beli-belah itu dapat ditingkatkan pada masa akan datang.

"Dalam lawatan tadi, saya sempat berbual dengan penyewa-penyewa bumiputera di NU Sentral. Mereka berterima kasih kerana (kerajaan) memberi peluang untuk mewujudkan perniagaan bumiputera di sini.

"Walaupun sekarang adalah waktu mencabar, tetapi mereka beriltizam untuk terus berusaha untuk membesarkan perniagaan pada masa akan datang," katanya sewaktu berucap dalam majlis perasmian Bangunan NU Sentral dan Bangunan Korporat, Menara ISentrum di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Pelaburan Hartanah Bhd. (PHB), Datuk Kamalul Arifin Othman.

Terdahulu, Perdana Menteri dibawa melawat premis-premis di NU Sentral dan Menara ISentrum serta menandatangani plak di kedua-dua bangunan berkenaan sebagai simbol perasmian.

NU Sentral mempunyai 279 lot perniagaan dengan 53 daripadanya diisi oleh peniaga-peniaga bumiputera.